**Soalan 1 hingga Soalan 5**

**Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.**

Rumah-rumah yang bertiang tinggi merupakan perkara biasa di perkampungan nelayan, terutamanya di Kampung Air, Kota Kinabalu dan Sandakan. Kebanyakan penduduknya terdiri daripada kaum China dan pendatang dari Filipina. Rumah-rumah papan di situ luas dan moden. Ini menunjukkan penduduknya tergolong dalam golongan pertengahan.

Menangkap ikan merupakan pekerjaan utama di perkampungan air tetapi tidak di Kampung Air. Rata-rata penduduknya bekerja sebagai tukang kayu, tukang elektrik, tukang paip, manakala selebihnya bekerja di pejabat kerajaan atau swasta. Mereka tinggal di Kampung Air ini kerana mereka sukakan suasana di tepi laut. Bagi mereka, memancing ikan sekadar kegemaran sahaja oleh sebab laut di muka pintu rumah mereka.

Suatu masa dahulu kampung-kampung air di Sandakan ini amat kotor. Apabila bandar Sandakan membangun, kerajaan mengambil langkah-langkah tertentu untuk mengubah wajah kampung-kampung air itu. Kampung-kampung itu dimodenkan oleh kerajaan dengan menyediakan pelbagai kemudahan asas.

Adakah kewujudan kampung-kampung air kerana masalah kekurangan tanah? Negeri Sabah tidak mempunyai masalah dalam hal ini. Sebab utama mungkin kerana cukai tanah yang tinggi di negeri itu. Oleh sebab itu adalah lebih murah mendirikan rumah-rumah di atas air. Kedua, kehidupan di perkampungan air lebih sihat. Udaranya bersih, tidak mengalami kesesakan lalu-lintas dan bebas daripada pencemaran.

1. Di Kota Kinabalu dan Sandakan, penduduk di Kampung Air terdiri daripada

A. pendatang dari Filipina

B. golongan pertengahan

C. penangkap ikan

D. mereka yang tidak berumah

2. Apakah pekerjaan sebahagian besar penduduk Kampung Air?

A. Nelayan

B. Bertukang

C. Makan gaji

D. Keria pejabat

LIVEWORKSHEETS

3. Mengapakah ramai orang suka menetap di Kampung Air itu?

A. Sewa rumah di kawasan darat semakin mahal

B. Belanja membina rumah di atas air lebih murah

C. Mereka sukakan keadaan di tepi laut

D. Banyak pekerjaan di kampung itu

4. Kampung-kampung air itu wujud akibat

A. kekurangan tanah di negeri Sabah

B. cukai tanah yang agak tinggi di negeri Sabah

C. kehidupan di kampung air lebih selesa

D. pencemaran yang berlaku di bandar-bandar

5. Semua pernyataan di bawah ini benar tentang kampung air kecuali

A. rumah-rumah di kampung air bertiang tinggi

B. menangkap ikan bukan pekerjaan utama penduduk kampung air

C. kampung air wujud akibat kekurangan tanah di Sabah

D. kampung air itu mempunyai kemudahan elektrik dan air

LIVEWORKSHEETS

**Soalan 6 hingga Soalan 10**

**Baca puisi di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.**

**Kebanjiran**

Hujan lebat menimpa ata
lalu aku segera terbangun
di luar angin menderu
kulihat ayah sibuk menyisip atap
yang bocor dan lantai pondok kebasahan
ketika itu ayam jantan dan ayam betina
yang tidur di hujung dahan rambutan
riuh-rendah dan terbang membelah malam.
Sebentar pondok kami bergegar
air deras dengan cepat mencecah gelegar
cepat-cepat kami berkemas
malam itu seluruh kampung cemas.

Ketika matahari pagi muncul
di sebalik bukit
dan hujan terus merenik
kami menggigil di atas rabung rumah
memandang air melaut
kayu-kayan, sampah-sarap dan bangkai
berhanyutan
kampung kami kebanjiran.

Sawah dengan padi menguning dilitupi air
enam ekor lembu ayah hanyut dibawa arus
wajah ayah mendung
seperti dada langit **musim tengkujuh**
yang datangnya tanpa diundang.

6 Penulis cepat-cepat bangkit apabila
A. bunyi bising akibat hujan menimpa atap
B. mendengar deruan angin di luar rumah
C. lantai pondok habis basah
D. ayam jantan yang bising di luar rumah

7 Mengapakah ayah penulis sibuk pada malam itu?
A. Kerana hendak menyelamatkan haiwan ternak
B. Kerana sekarang musim hujan
C. Kerana lantai rumah habis basah
D. Kerana atap yang bocor akibat hujan

LIVEWORKSHEETS

8 Apakah yang mencemaskan penduduk kampung?
A. Paras air yang semakin naik
B. Rumah mereka akan dihanyutkan air
C. Pondok buruk mereka senget
D. Binatang belaan mungkin hanyut

9 Hujan yang berterusan hingga ke pagi itu telah menyebabkan
A. bukit yang berhampiran telah tenggelam
B. rumah mereka bergegar dan hanyut
C. penulis dan keluarganya memanjat bumbung rumah
D. mereka berpindah dengan segera

10 **Musim tengkujuh** dalam puisi di atas bermaksud
A. musim banjir
B. musim hujan lebat
C. musim angin kencang
D. musim langit mendung

LIVEWORKSHEETS